



Ruj Tuan :

Ruj. Kami : Bil.() dlmJK(02)729

Tarikh : Jld. 6
Oktober 2012

12

SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT REKOD PERIBADI, PROFIL PERKHIDMATAN, PERISYTIHARAN HARTA, DATA PERJAWATAN DAN SKT TAHUN 2012 MELALUI HRMIS

Dengan hormatnya saya memohon perhatian Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas dan surat daripada Jabatan Perdana Menteri JPM.500-38/1Jld.6(86) bertarikh 28 September 2012 seperti di lampirkan adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, pengemaskinian maklumat rekod peribadi, profil perkhidmatan, perisytiharan harta, data perjawatan dan SKT Tahun 2012 melalui HRMIS bagi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) sehingga **31 Ogos 2012 adalah sebanyak 43.75%** iaitu di bawah **Below Target** bagi keseluruhan Petunjuk Prestasi Utama KPI HRMIS. Pencapaian ini amatlah mendukacitakan walaupun arahan telah dikeluarkan bagi melaksanakannya sebelum ini.

3. Sehubungan itu, Y.Bhg Dato' Ketua Pendaftar telah mengarahkan supaya memastikan pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing dapat melengkapkan Sub Modul **Sasaran Kerja Tahunan (SKT), Perisytiharan Harta, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan** dalam tempoh seminggu dari tarikh surat ini iaitu selewat-lewatnya sebelum atau pada **19 Oktober 2012** bagi membolehkan Pejabat Ketua Pendaftar mencapai sasaran KPI Jabatan **100%**. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pegawai dikenakan surat tunjuk sebab.**

...2/-

4. Kerjasama Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah dipohon bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan HRMIS di PKPMP dan seterusnya meningkatkan prestasi Jabatan Perdana Menteri secara keseluruhannya. Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengemukakan Laporan Pencapaian Prestasi item-item di bawah para 4 berdasarkan format yang disertakan selewat-lewatnya pada 22.10.2012 ke POJ untuk melengkapkan Laporan bagi dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri selewat-lewatnya pada 24.10.2012.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia

s.k:

Pengarah Pengurusan
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Fail Timbul HRMIS